

D650

U 8815 AAB
MAHATHIR - DOKUMEN

BUKIT KAYU HITAM, 12 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA KEMENTERIAN DALAM NEGERI AKAN MENKAJI SEMULA KEPUTUSANNYA YANG MENGHENDAKI ORANG RAMAI MEMILIKI DOKUMEN PERJALANAN UNTUK MELAWAT KAWASAN BEBAS CUKAI DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA BELIAU AKAN Mencari JALAN BAGI MEMUDAHKAN ORANG RAMAI MELAWAT KAWASAN ITU.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KOMPLEKS BELI-BELAH DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN, ORANG YANG MEMBELI-BELAH DI KAWASAN BEBAS CUKAI ITU DIKEHENDAKI MEMBAYAR CUKAI KEPADA KASTAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BERJANJI AKAN MENKAJI CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA UNTUK MEMUDAHKAN PERJALANAN ORANG RAMAI KERANA KAWASAN BEBAS CUKAI BERADA DALAM KAWASAN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS RAYUAN 30 ORANG PENJAJA YANG BERNIAGA DI GERAI-GERAI KOMPLEKS ITU YANG MEMINTA JASA BAIKNYA MENGATASI MASALAH KEMASUKAN ORANG RAMAI KE SITU. -- LAGI

2013MST 12 03 88

U 8818 AAB
MAHATHIR - DOKUMEN 2 BUKIT KAYU HITAM

RAYUAN ITU DISAMPAIKAN KEPADA PERDANA MENTERI OLEH WAKIL PENJAJA, ENCIK KHALID HASSAN.

PADA 9 MAC LEPAS, JABATAN IMIGRESEN KEDAH MENGELUARKAN ARAHAN SUPAYA MEREKA YANG MEMASUKI KAWASAN BEBAS CUKAI HENDAKLAH MEMPUNYAI DOKUMEN PERJALANAN IAITU PAS SEMPADAN BAGI RAKYAT NEGERI-NEGERI BERSEMPADAN DENGAN THAILAND MANAKALA YANG LAIN MENGGUNAKAN PASPORT ANTARABANGSA.

BERIKUTAN PENGUATKUASAAN PERATURAN ITU, JUMLAH PELAWAT DAN PEMBELI KE GERAI-GERAI DI KOMPLEKS ITU BERKURANGAN SEHINGGA MENJEJASKAN PERNIAGAAN.

SEBELUM INI, PARA PELAWAT BOLEH MEMASUKI KOMPLEKS ITU DENGAN MENUNJUKKAN KAD PENGENALAN KEPADA PEGAWAI IMGRESEN DI PUSAT PEMERIKSAAN IMIGRESEN BERHAMPIRAN KOMPLEKS ITU.

KETIKA MERASMIKAN KOMPLEKS BELI-BELAH BERHARGA \$8 JUTA KEPUNYAAN CERGASJAYA SDN BHD DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MENGGALAKKAN PEMBUKAAN KAWASAN-KAWASAN BEBAS CUKAI KERANA IA MERUPAKAN SALAH SATU CARA UNTUK MENARIK PELABURAN DALAM USAHA MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA. -- LAGI

2031MST 12 03 88

U B819 AAB
MAHATHIR - DOKUMEN 3 BUKIT KAYU HITAM

KATANYA, PEMBUKAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS BELI-BELAH DI KAWASAN SEUMPAMA ITU BOLEH MEWUJUDKAN PEKERJAAN KEPADA RAKYAT YANG KIAN RAMAI MENGANGGUR, TERMASUK PARA SISWAZAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEMBUKAAN KAWASAN SEUMPAMA ITU DILAKUKAN KERANA ZON BEBAS CUKAI MERUPAKAN SATU ASPEK PERKEMBANGAN EKONOMI DUNIA SEKARANG YANG BOLEH MENDATANGKAN HASIL KEPADA NEGARA.

KATANYA, SETELAH TARAF PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG DIMANSUHKAN KERANA RAKYAT NEGERI ITU TELAH PUN LAMA MENIKMATI BARANGAN MURAH, KERAJAAN MENGGALAKKAN PULA ZON BEBAS CUKAI, TERUTAMA BAGI KAWASAN PERINDUSTRIAN UNTUK MEMBOLEHKAN INDUSTRI-INDUSTRI BERKENAAN MEMBELI PERALATAN DENGAN HARGA YANG MURAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN BERSETUJU MENJADIKAN LANGKAWI SEBAGAI KAWASAN BEBAS CUKAI UNTUK MEMBOLEHKAN PENDUDUK PULAU ITU MENDAPAT FAEDAH DAN KEMAJUAN +TETAPI MALANGNYA PENDUDUK LANGKAWI MENGAMBIL KESEMPATAN DENGAN MENAWARKAN HARGA TANAH MEREKA LEBIH 100 KALI GANDA HINGGA MEMBEBAHKAN PARA PELABUR UNTUK MEMBUKA HOTEL DAN PERNIAGAAN+.

KERAJAAN JUGA MEMBERI PENGECCUALIAN CUKAI BAGI BARANGAN YANG DIBELI TIDAK MELEBIHI \$500 BAGI PARA PELAWAT KE LABUAN DAN LANGKAWI JIKA MEREKA BERADA DI SANA LEBIH 72 JAM. -- LAGI
2034MST 12 03 88

U B820 AAB
MAHATHIR - DOKUMEN 4 BUKIT KAYU HITAM

BELIAU BERKATA, PENGECCUALIAN CUKAI KEPADA PENDUDUK TEMPATAN YANG MEMBELI-BELAH DI ZON-ZON BEBAS CUKAI DAN PELABUHAN BEBAS CUKAI LABUAN SERTA LANGKAWI TIDAK DAPAT DIBERI KERANA IA AKAN MENJEJASKAN PARA PENIAGA DI TEMPAT-TEMPAT LAIN.

MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, PULA BERKATA, BUKIT KAYU HITAM AKAN MENJADI PEKAN YANG MAJU KERANA KAMPUS TETAP UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) AKAN DIDIRIKAN DI SINTOK, DEKAT SINI.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN KAWASAN SELUAS 460 HEKTAR UNTUK MEMBINA PEKAN BARU DI SINI DAN MENAWARKAN SATU KAWASAN KEPADA SWASTA MEMBUKA PUSAT REKREASI.

PENGERUSI EKSEKUTIF CERGASJAYA, DATUK MOHD SALLEH ABDUL RAHMAN, BERKATA PUSAT MEMBELI-BELAH ITU SECARA TIDAK LANSUNG DAPAT MENYELAMATKAN PERTUKARAN WANG ASING KERANA SETIAP TAHUN KIRA-KIRA SETENGAH JUTA RAKYAT MALAYSIA MEMBELI-BELAH DI THAILAND MELALUI BUKIT KAYU HITAM.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, SENATOR FARID ARIFFIN, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN DAN MENTERI BESAR PERLIS, DR ABDUL HAMID PAWANTEH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR DARI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS PADA PUKUL 6.30 PETANG TADI. -- BERNAMA
2036MST 12 03 88

0691